

Headline	MPS mohon Pejabat Kesihatan umum statistik pesakit HIV dan AIDS		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	29 Nov 2016	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	17,812
Page No	6	Readership	53,436
Language	Malay	ArticleSize	292 cm ²
Journalist	ALIZA ALAWI	AdValue	RM 580
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,740



MPS mohon Pejabat Kesihatan umum statistik pesakit HIV dan AIDS

OLEH ALIZA ALAWI

SANDAKAN: Pejabat Kesihatan kawasan Sandakan diminta untuk menyediakan dan melaporkan kepada umum berkenaan statistik pesakit yang menghidap penyakit HIV dan AIDS.


Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) memohon jabatan yang berkenaan termasuk Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan melaksanakan demikian kerana ia penting agar masyarakat umum mengetahui perkembangan berkenaan dan mengambil langkah yang perlu.

Presiden Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), Datuk Ir. James Leong berkata semasa mempengerusikan Mesyuarat Penuh MPS Bulan 11, 2016 di Dewan Persidangan MPS, di sini, pada Isnin.

“Kita meminta laporan itu juga dapat dinyatakan jumlah terkini mereka yang menghidap HIV dan AIDS ini lengkap dengan status umur, jantina dan warganegara mereka serta dimana lokaliti mereka tinggal,” katanya.

Mesyuarat berkenaan turut dihadiri Timbalan Presiden MPS, Hamsan Awang Supain, Setiausaha MPS dan Timbalan Setiausahanya serta ahli-ahli majlis dan wakil Jabatan Kerajaan dan Pejabat Parlimen/Adun sekitar Sandakan.

Dalam pada itu, wakil Pejabat Ke-



PENGERUSIKAN... James (tengah) mempengerusikan Mesyuarat Penuh di Dewan Persidangan MPS.

sihatan Sandakan yang hadir ke mesyuarat berkenaan memberitahu, pelbagai usaha juga dijalankan pejabat itu untuk memberi kesedaran umum berkenaan HIV dan AIDS.

Ia termasuk melakukan aktiviti atau program kerjasama berkenaan kesedaran yang kerap dianjurkan oleh sebuah badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Sandakan AIDS Support Group Association (SAGA) yang juga bergerak aktif mempromosi berkenaan pentingnya pence-

gahan awal HIV dan AIDS serta ceramah umum berkenaan penyakit itu.

Sementara itu, dalam mesyuarat penuh itu, turut dibincangkan berkenaan kebersihan dan keindahan daerah ini yang mana usaha berkenaan juga telah dan sedang dijalankan.

Manakala aduan awam juga telah diambil maklum untuk tindakan segera pihak MPS dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sandakan dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan.